

**PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI
NELAYAN PANTAI DAN PERSEPSI TERHADAP
PROJEK AKUAKULTUR DI SEMPORNA,
SABAH**



UMS
HASTUTY BINTI DARWIS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
2016**

**PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI
NELAYAN PANTAI DAN PERSEPSI TERHADAP
PROJEK AKUAKULTUR DI SEMPORNA,
SABAH**



**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
2015**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

05 Mei 2015

Hastuty Binti Darwis
MA1221022T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **HASTUTY BINTI DARWIS**
NO. MATRIK : **MA1221022T**
TAJUK : **PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI NELAYAN
PANTAI DAN PERSEPSI TERHADAP PROJEK
AKUAKULTUR DI DAERAH SEMPORNA, SABAH.**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
TARIKH VIVA : **10 OKTOBER 2015**

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA

Dr. Mohammad Tahir Bin Mapa

Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka penyelidikan ini dapat di sempurnakan mengikut perancangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada ibu bapa dan keluarga yang mana mereka banyak memberi dorongan dan kekuatan sebagai motivasi kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Seterusnya antara pihak akademik yang banyak membantu adalah Dr. Mohammad Tahir Bin Mapa iaitu selaku penasihat akademik saya yang juga penyelia utama dalam menyiapkan penyelidikan ini. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan tidak kira waktu sama ada waktu bekerja mahupun di luar waktu bekerja. Atas bantuan dan sokongan tersebut penyelidikan ini telah berjaya disiapkan dengan jayanya.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini iaitu pihak universiti amnya dan fakulti serta pihak pasca khususnya yang memberi sokongan untuk kajian ini disiapkan. Selain itu ucapan terima kasih juga ingin disalurkan kepada pihak-pihak yang memberi kerjasama sepanjang kutipan data dilakukan iaitu komuniti nelayan pantai di sekitar pulau Timbun Mata di mana komuniti tersebut telah menjadi responden dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak bertanggungjawab dalam pembangunan komuniti tersebut termasuklah ketua dan JKKK kampung, ketua Persatuan Nelayan dan pihak Ko-Nelayan yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual.

Hastuty Binti Darwis

5 Mei 2015

ABSTRAK

Rakyat Malaysia telah mengalami kemajuan yang signifikan dalam pembangunan sosial dan ekonomi. Perancangan yang rapi dan berkesan dalam pembangunan tersebut telah berjaya membawa negara ke suatu tahap yang agak membanggakan jika dibandingkan dengan negara sedang membangun yang lain. Keadaan ini secara tidak langsung telah menaik taraf kualiti hidup rakyat. Pembangunan ekonomi yang berdaya maju dapat dicapai melalui galakkan pengurusan dan pengendalian aktiviti ekonomi secara kreatif dan inovatif di samping menggalakkan penggunaan teknologi baru serta meningkatkan kemahiran pengurusan, teknikal dan operasi. Secara umumnya, golongan nelayan sering dikaitkan dengan kemiskinan. Keadaan tersebut digambarkan melalui latar belakang sosioekonomi yang rendah. Dalam menjalankan sebarang pembangunan, perancangan yang strategik boleh dilakukan berpandukan latar belakang sosioekonomi komuniti nelayan di samping mengambil kira kelebihan semula jadi di persekitaran komuniti tersebut. Kajian ini mempunyai matlamat untuk mengenal pasti profil sosioekonomi komuniti nelayan pantai, mengenal pasti program pembangunan ekonomi yang telah dijalankan dan mengenal pasti persepsi komuniti nelayan pantai terhadap projek ekonomi. Sejumlah 194 responden telah dipilih secara rawak bertujuan di 24 buah kampung di sekitar Pulau Timbun Mata, Semporna. Selain itu temu bual bersama beberapa pihak tertentu juga diadakan di samping melakukan pemerhatian secara langsung terhadap keadaan persekitaran kawasan kajian. Hasil kajian mendapati keadaan sosioekonomi komuniti nelayan pantai berada di tahap yang tidak memuaskan walaupun pelbagai program sokongan ekonomi telah dilaksanakan oleh pihak-pihak bertanggungjawab. Rentetan itu, persepsi responden mengenai projek ekonomi seperti iLAP amat menggalakkan dan disambut baik oleh mereka. Sambutan baik tersebut diiringi dengan harapan agar projek pembangunan akan menggalakkan kesejahteraan yang memuaskan di samping mampu meningkatkan pendapatan tanpa perlu bergantung sepenuhnya terhadap hasil pendapatan sebagai nelayan.

Kata Kunci: Nelayan Pantai, Profil Sosioekonomi, Projek Pembangunan Ekonomi.

ABSTRACT

SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT OF COASTAL FISHERMEN COMMUNITY AND PERCEPTIONS TOWARD INTRAGATED LOBSTER AQUACULTURE PARK (iLAP) PROJECT IN SEMPORNA DISTRICT

Malaysians have made significant progress in social and economic development. Effective and systematic planning in development has brought the country to crow over as compared to other developing countries. This situation has indirectly upgrade the quality of life of the people. Economic development can be achieved through the encouragement of management and control of economic activities in creative and innovative ways. In addition to that, economic development also encourages new technologies and improves management, technical as well as operational skills. Generally, the fishermen are often associated with the destitution, in which described as low socio-economic backgrounds. In carrying out any development, strategic planning can be performed based on socio-economic background of the fishermen community, while taking into account the natural advantages in the community's environment. Aims of this study were to identify the socio-economic profile of coastal fishing communities, identifying economic development program that has been carried out and to identify the perceptions of coastal fishing communities on economic projects. A total of 194 respondents selected by purposive samples at the 24 villages around Pulau Timbun Mata, Semporna. In addition, interviews with certain parties were also held and a direct observation has been made to the environmental conditions of the studied area. The study found that the socio-economic situation of coastal fishing communities was unsatisfactory despite various economic support programs has been implemented. Besides that, respondents' perceptions about economic projects such as the iLAP were very encouraging and welcomed by them. Good response was accompanied by the expectation that the project will promote the development of a satisfactory welfare in addition to being able to increase revenue without the need to rely entirely on revenue from fishing.

Keywords: Coastal Fishermen, Profile Economics, Economic Development Project.

KANDUNGAN


	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
 BAB 1: PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Pembangunan Ekonomi Sabah	4
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kawasan Kajian	10
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Limitasi Kajian	15
1.9 Kesimpulan	17
 BAB 2: SOROTAN LITERATUR	 18
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Definisi Perikanan Skala Kecil (Nelayan Pantai)	18
2.3 Sosioekonomi Komuniti Nelayan Pantai	19
2.3.1 Profil Demografi	23
2.3.2 Aktiviti Nelayan Pantai	24
2.3.3 Perkakasan Tangkapan Nelayan	26

2.3.4	Aktiviti Ekonomi Sampingan	30
2.4	Faktor Penglibatan dalam Kerjaya Nelayan Pantai	31
2.5	Faktor Mempengaruhi Tangkapan Perikanan	33
2.6	Masalah yang Sering dihadapi oleh Nelayan	36
2.7	Persepsi Terhadap Projek Pembangunan Ekonomi dan Sosial	40
2.8	Faktor Pendorong Pembangunan Ekonomi	46
2.9	Kesan Pembangunan Ekonomi Ke Atas Perubahan Sosioekonomi	52
2.10	Kekangan dan Cabaran Pembangunan Akuakultur	54
2.11	Aplikasi GIS dalam Kajian Perikanan	61
2.12	Latar Belakang Projek Taman Akuakultur Udang Galah Bersepadu (iLAP)	66
2.13	Kesimpulan	71
	BAB 3: METODOLOGI	76
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Pendekatan Dalam Kajian	77
3.3	Soal Selidik	80
3.3.1	Pembinaan Borang Soal Selidik	81
3.3.2	Persampelan Dalam Kajian	82
3.3.3	Pengumpulan Data Soal Selidik	86
3.4	Temu Bual	87
3.4.1	Pengumpulan Data Temu Bual	87
3.5	Pemerhatian	91
3.5.1	Pengumpulan Data Pemerhatian	92
3.6	Kajian Perpustakaan	93
3.6.1	Kajian Perpustakaan yang Dijalankan	93
3.7	Pengumpulan Data GIS	95
3.8	Analisis Data Soal Selidik	96
3.9	Analisis Data Temu Bual	99
3.10	Analisis Data Ruangan	101
3.11	Analisis Data Pemerhatian	102
3.12	Kesimpulan	103

BAB 4: DAPATAN DAN ANALISIS DATA	104
4.1 Pendahuluan	104
4.2 Profil Sosioekonomi Komuniti Nelayan	104
4.3 Aktiviti Nelayan	118
4.4 Persepsi Terhadap Projek iLAP	130
4.5 Taburan Kawasan Tumpuan dan Kurang Tumpuan Beroperasi	137
4.5.1 Program Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Nelayan	141
4.5.2 Persepsi Komuniti Nelayan Terhadap Pembangunan Ekonomi	144
4.5.3 Masalah yang dihadapi Nelayan	147
4.5.4 Aktiviti Ekonomi Penduduk Kampung	151
4.5.5 Kesejahteraan Penduduk Kampung	154
4.5.6 Kemahiran Penduduk	155
4.5.7 Cadangan Pengurusan Projek Pembangunan Ekonomi	157
4.13 Kesimpulan	159
BAB 5: PERBINCANGAN	160
5.1 Pendahuluan	160
5.2 Perbincangan	160
5.2.1 Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Nelayan Pantai	160
5.2.2 Penerimaan Nelayan Terhadap Pembangunan Ekonomi menerusi Projek iLAP	170
5.4 Kesimpulan	173
BAB 6: KESIMPULAN	174
6.1 Pendahuluan	174
6.2 Cadangan Kajian Akan Datang	174
6.2.1 Strategi Memperkenalkan Sumber Ekonomi Komuniti Nelayan	174
6.2.2 Pengurusan Mampan Sumber Marin	176
6.3.3 Potensi Pembangunan Akuakultur	177
6.3 Kesimpulan	178

6.4	Penutup	180
-----	---------	-----

RUJUKAN	180
LAMPIRAN	200



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Kadar kemiskinan mengikut negeri di Malaysia, 1979 – 2012	5
Jadual 1.2: Senarai kampung (Kawasan kajian)	11
Jadual 3.1: Peringkat proses persampelan	84
Jadual 4.1: Etnik responden berdasarkan kategori kampung	105
Jadual 4.2: Umur responden	105
Jadual 4.3: Jantina responden	106
Jadual 4.4: Status responden	106
Jadual 4.5: Jumlah tanggungan responden	107
Jadual 4.6: Bilangan isi rumah responden	108
Jadual 4.7: Kebolehan membaca berdasarkan tahap pendidikan	109
Jadual 4.8: Tahap pendapatan bulanan nelayan berdasarkan jumlah tanggungan	110
Jadual 4.9: Sumber pendapatan sampingan	111
Jadual 4.10: Pendapatan jualan hasil tangkapan	112
Jadual 4.11: Pendapatan jualan hasil tangkapan nelayan berdasarkan sumber pendapatan sampingan	113
Jadual 4.12: Memiliki pendapatan sampingan berdasarkan jumlah tanggungan	114
Jadual 4.13: Jenis tanaman yang diusahaikan ($n= 82$)	115
Jadual 4.14: Cadangan meningkatkan pendapatan	116
Jadual 4.15: Aktiviti masa lapang responden	116
Jadual 4.16: Aktiviti masa lapang bagi wanita dan remaja berdasarkan pendapat responden	117

Jadual 4.17:	Faktor penglibatan dalam kerjaya nelayan berdasarkan umur	119
Jadual 4.18:	Minat remaja terhadap kerjaya nelayan berdasarkan persepsi responden	119
Jadual 4.19:	Kemahiran responden	120
Jadual 4.20:	Peralatan tangkapan yang digunakan	121
Jadual 4.21:	Memiliki enjin sangkut, <i>pump</i> bot enjin, enjin dalam dan	122
Jadual 4.22:	Tren tangkapan semasa berdasarkan penggunaan peralatan tangkapan	123
Jadual 4.23:	Keputusan korelasi antara tren tangkapan dengan peralatan tangkapan yang digunakan	124
Jadual 4.24:	Status pemilikan bot dan enjin	125
Jadual 4.25:	Tren tangkapan semasa berdasarkan faktor yang mempengaruhinya	127
Jadual 4.26:	Hasil tangkapan maksimum dan minimum (Kg)	128
Jadual 4.27:	Hasil tangkapan maksimum berdasarkan pendapatan jualan	129
Jadual 4.28:	Peratus hasil tangkapan (Kg) yang dijual	130
Jadual 4.29:	Kawasan kampung berdasarkan sumber informasi	131
Jadual 4.30:	Pengetahuan tentang projek berdasarkan kawasan kampung	132
Jadual 4.31:	Informasi yang ingin diketahui berkaitan projek iLAP	133
Jadual 4.32:	Jangkaan kesan positif iLAP berdasarkan pendapatan hasil jualan tangkapan	134
Jadual 4.33:	Pendapatan dengan potensi kebaikan projek	134
Jadual 4.34:	Anggaran kesan projek iLAP (n= 134)	135
Jadual 4.35:	Faktor kurang tumpuan berdasarkan bahagian kawasan	139

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Sektor pertanian mengikut negeri, 2012	6
Rajah 1.2: Kawasan Kajian	12
Rajah 3.1: Carta alir kajian	79
Rajah 4.1: Kawasan tumpuan nelayan	136
Rajah 4.2: Kawasan bukan tumpuan nelayan	137
Rajah 4.3: Faktor kurang tumpuan nelayan	138
Rajah 4.4: Perniagaan runcit (Menjual Makanan)	152
Rajah 4.5: Ternakan udang	153




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

MPA	- <i>Marine Protect Area</i>
AQCESS	- <i>Aquaculture and Coastal Economic and Social Sustainability</i>
BOT	- <i>Balance of Trade</i>
EIA	- <i>Environment Impact Associations</i>
ICM	- <i>Integrated Coastal Management</i>
TMTS	- Taman Marin Tun Sakaran
GIS	- <i>Geography Information System</i>
GDW	- Gerakan Daya Wawasan
GESAMP	- <i>Group of Experts on the Scientific Aspects of Marine Environmental Protection</i>
GPS	- <i>Global Position System</i>
SPSS	- <i>Statistical Package for the Social System</i>
PNKS	- Persatuan Nelayan Kawasan Semporna
DTN	- Dasar Transformasi Nasional
KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar
km	- kilo meter
km²	- kilo meter persegi
m	- meter
m²	- meter persegi
NCER	- Wilayah Ekonomi Koridor Utara
NGO	- <i>Non Government Organization</i>
GRT	- <i>Gross Tonnage</i>
PEMP	- Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Pesisir


PPD	-	Projek Pembangunan Desa
ppm	-	<i>Part per million</i>
PPPAT	-	Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar
RMK 10	-	Rancangan Malaysia Ke 10
SDC	-	<i>Sabah Development Corridor</i>
SLA	-	Mata pencarian mampan
Tg.	-	Tanjung
USD	-	<i>United States Dollar</i>
ZEE	-	Zon Ekonomi Eksklusif



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Borang Soal Selidik	200
Lampiran B: Soalan Temu Bual	208
Lampiran C: Keratan Akhbar Online	210



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembangunan memberi penekanan ke arah kebajikan yang bersifat positif serta memberi keuntungan kepada semua pihak yang terlibat di samping mengatasi kelemahan atau kemunduran yang berlaku sebelum ini. Pembangunan juga merupakan suatu proses perubahan daripada tradisional kepada moden, daripada kehidupan yang kurang kompleks kepada lebih kompleks dan daripada mundur kepada maju. Perubahan yang berlaku tersebut merupakan tindakan yang dilakukan melalui suatu perancangan teliti yang seterusnya membawa kepada perubahan yang diimpikan. Dengan ini dapat difahami bahawa pembangunan merupakan suatu proses perubahan kepada yang lebih baik daripada keadaan sebelumnya.

Pembangunan dilihat sebagai sesuatu yang bersifat subjektif. Pelbagai pengertian telah digambarkan dan bergantung kepada perspektif dan konteks penggunaannya. "Pembangunan" kadang kala mempunyai takrifan yang bertindan dengan maksud 'pertumbuhan' (*growth*), 'kemajuan' (*progress*) dan 'pemodenan' (*modernization*), sedangkan kesemua ini merupakan tahap-tahap dalam proses pembangunan (Yahaya Ibrahim, 2007). Rahimah Abdul Aziz (1989) mentakrifkan pembangunan sebagai perubahan berencana dan terkawal iaitu satu proses perubahan daripada usaha sedar manusia untuk mencapai suatu matlamat mengikut rancangan tertentu. Pembangunan dapat dilihat melalui dua aspek utama iaitu pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.

Dalam konteks pembangunan, sektor perikanan tidak diketepikan. Kerajaan memberi penekanan terhadap pembangunan sektor perikanan kerana kepentingan sektor tersebut sebagai pembekal sumber makanan dan potensinya dalam menyediakan peluang pekerjaan terutama melalui perikanan marin dan


penternakan akuakultur. Kemajuan sektor tersebut telah dapat mengurangkan pengimportan ikan daripada negara luar dan seterusnya membantu mengurangkan pengaliran wang keluar negara. Ini selaras dengan dasar kerajaan bahawa import sebahagian daripada komoditi makanan boleh dikurangkan jika negara dapat meningkatkan pengeluaran komoditi dengan penggunaan sumber dalam negara yang masih di bawah paras optimum (Basri Abdul Talib, *et.al/* 2007).

Amnya, sektor perikanan merupakan komponen yang penting dalam pembangunan pertanian di Malaysia. Namun industri perikanan di Malaysia dilihat agak terpinggir khususnya dari segi dorongan dan bantuan daripada pihak kerajaan. Keadaan tersebut menyebabkan kebanyakan nelayan masih menggunakan kaedah lama untuk menangkap ikan dengan hasil yang tidak seberapa. Kesannya, kesukaran menikmati kualiti hidup yang lebih selesa masih membelenggu komuniti nelayan sehingga komuniti tersebut dominan dengan gelaran komuniti miskin. Oleh hal yang demikian, langkah sewajarnya terhadap pembangunan komuniti nelayan perlu dilaksanakan yang bukan sahaja akan mampu meningkatkan kualiti hidup komuniti tersebut malah turut meningkatkan sumbangan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Sabah merupakan salah satu negeri maritim di Malaysia yang mempunyai garis pantai sehingga 4,315 km (termasuk pulau dan daratan). Selain itu, Sabah juga meliputi Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) seluas 32 peratus daripada keluasan ZEE Malaysia ($170,773 \text{ km}^2$) iaitu hampir $51,360 \text{ km}^2$. Sabah di kelilingi oleh Laut China Selatan di bahagian barat, Laut Sulu di bahagian utara dan Laut Sulawesi di bagian timur. Negeri Sabah berpotensi untuk pembangunan bidang perikanan (termasuk ternakan ikan dalam sangkar). Antara ciri-ciri dasar laut di Sabah adalah berbatu karang, berpasir, berlumpur dengan julat saliniti 27 hingga 32 ppm (perairan teluk: 15-27 ppm), terlindung dari ombak dengan terdapatnya beberapa buah pulau, dan mempunyai kualiti air yang baik. Ciri-ciri tersebut juga secara tidak langsung menjadi faktor penyumbang dalam memajukan industri ternakan ikan sangkar. Pada masa ini dianggarkan luas kawasan yang telah diusahakan dengan ternakan ikan sangkar adalah 129.01 ekar yang tertumpu di perairan Pantai Barat Negeri Sabah. Jika dibandingkan dengan kawasan yang berpotensi untuk dimajukan seluas

20,217.30 ekar di kawasan pantai barat, perairan Kudat, Sandakan dan Tawau bermakna 0.64 peratus sahaja yang telah dieksplotasi dan selebihnya masih belum diusahakan (Jabatan Perikanan Sabah, 2010).

Perkembangan sektor perikanan di Sabah bermula pada awal abad ke-19 lagi. Amnya, keadaan tersebut berlaku di Sabah berikutan daripada kemasukan tenaga kerja dari luar secara besar-besaran (Mohammad Raduan M. Arif, 2006). Pertumbuhan pesat penduduk tersebut seterusnya secara langsung telah menyebabkan peningkatan permintaan sumber protein dari sumber perikanan. Sektor perikanan Sabah telah mengalami banyak perubahan yang seiring dengan perkembangan semasa. Di sebalik perkembangan dan peranan penting sektor perikanan dalam membantu memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sabah, terdapat isu-isu yang sering wujud dalam kalangan nelayan itu sendiri dan perlu diberi perhatian yang serius. Salah satu isu utama adalah produktiviti yang tidak menentu yang disebabkan beberapa faktor tertentu.



Umumnya, kerjaya nelayan sering dikaitkan dengan kemiskinan. Menurut Jamal Ali (2003), kemiskinan merupakan salah satu masalah sosioekonomi. Keadaan tersebut digambarkan melalui latar belakang sosioekonomi yang berada pada paras yang rendah. Antara petunjuk sosioekonomi yang kerap dijadikan aras pengukur adalah seperti pendapatan, pendidikan, sumber pendapatan sampingan, milikan aset, ketersampaian akses kemudahan dan lain-lain lagi. Berdasarkan petunjuk tersebut, paras sosioekonomi akan dapat ditafsirkan. Umumnya, belenggu kemiskinan dalam kalangan nelayan menggalakkan pembangunan dilaksanakan agar jurang perbezaan tersebut dapat dikurangkan. Untuk menjalankan sebarang pembangunan, perancangan yang strategik boleh dilakukan berpandukan profil sosioekonomi komuniti nelayan di samping mengambil kira kelebihan semula jadi persekitaran komuniti nelayan tersebut. Misalnya, komuniti nelayan pantai yang tidak menikmati kesejahteraan hidup yang baik memerlukan suatu perubahan mahupun pembangunan ekonomi yang terancang agar perubahan yang positif mampu dinikmati.

Secara keseluruhannya, bab ini terdiri daripada 7 sub topik utama iaitu permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kawasan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, dan limitasi kajian. Setiap sub topik tersebut mempunyai keutamaan tertentu dalam menjelaskan tentang kajian yang dijalankan. Permasalahan dan persoalan kajian pula menerangkan tentang isu yang wujud di kawasan kajian. Seterusnya objektif kajian menyatakan tentang perkara yang hendak dicapai dalam kajian ini. Kawasan kajian pula merangkumi antara kawasan yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Skop kajian menerangkan secara khusus berkaitan batasan kawasan kajian, responden dan perkara yang hendak dikaji. Seterusnya kepentingan kajian akan menjelaskan tentang keutamaan kajian yang akan memberi faedah kepada pihak-pihak tertentu. Manakala limitasi kajian pula membincangkan tentang masalah atau halangan yang dihadapi sepanjang kajian dijalankan sehingga memperoleh hasil kajian. Umumnya, setiap sub topik dalam bab ini akan memberi kefahaman kepada pembaca terhadap perkara yang dikaji.

1.1.1 Pembangunan Ekonomi Sabah

Di awal tahun 1970an, Sabah pernah mencatat pertumbuhan ekonomi antara yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dan pernah menduduki tangga antara yang teratas dari segi pungutan hasil. Walau bagaimanapun, kedudukan pencapaian ekonomi negeri Sabah telah mengalami penurunan yang ketara (Mohd Yusof Kasim, *et.al* 2006). Sehingga ke hari ini, negeri Sabah masih mencatatkan kadar kemiskinan yang tertinggi di Malaysia seperti jadual yang ditunjukkan dalam Rajah 1.0.


Jadual 1.1: Kadar kemiskinan mengikut negeri di Malaysia, 1979 - 2012

Negeri	Tahun						
	1979	1987	1992	1997	2002	2007	2012
Johor	18.2	11.1	5.6	1.6	2.5	1.5	0.9
Kedah	53.8	31.3	21.2	11.5	9.7	3.1	1.7
Kelantan	55.0	31.6	29.5	19.2	17.8	7.2	2.7
Melaka	20.4	11.7	8.5	3.5	1.8	1.8	0.1
N. Sembilan	26.3	21.5	8.1	4.7	2.6	1.3	0.5
Pahang	26.9	12.3	6.9	4.4	9.4	1.7	1.3
P. Pinang	19.7	12.9	4.0	1.7	1.2	1.4	0.6
Perak	30.5	19.9	10.2	4.5	6.2	3.4	1.5
Perlis	63.1	29.1	19.8	10.7	8.9	7.0	1.9
Selangor	14.5	8.9	4.3	1.3	1.1	0.7	0.4
Terengganu	53.1	36.1	25.6	17.3	14.9	6.5	1.7
Sabah	40.7	35.3	27.8	16.5	16.0	16.0	7.8
Sarawak	47.8	24.7	19.2	7.3	11.3	4.2	2.4
W.P K.Lumpur	a	5.2	1.7	0.1	0.5	1.5	0.8

a. Kuala Lumpur diwartakan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974. Data bagi W.P Kuala Lumpur pada tahun 1979 adalah sebahagian daripada Selangor.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, 2014

Sektor pertanian (termasuk sektor perikanan) mampu menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri Sabah. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila Sabah menjadi penyumbang utama KDNK negara melalui sektor pertanian (termasuk perikanan) iaitu 17 peratus pada tahun 2012 (rujuk Rajah 1.1). Sektor ini juga masih memainkan peranan sebagai sumber yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan. Beberapa kawasan yang telah dikenal pasti sebagai pengeluar utama hasil-hasil pertanian, seperti di Semenanjung Bengkoka dan Pulau Banggi telah dikenal pasti sebagai kawasan untuk dimajukan. Bersesuaian dengan kedudukan negeri Sabah yang terletak di utara Pulau Borneo dan muka bumi yang dikelilingi oleh Laut Cina Selatan di sebelah barat dan sebelah timur Sabah berpotensi untuk sumber-sumber hasil laut. Negeri ini mensasarkan sebanyak 457,200 tan hasil tangkapan ikan dan sumber-sumber penternakan marin dengan pendapatan kira-kira sebanyak RM3.23 bilion pada tahun 2010 (Kasim Mansur dan Mori Kogid, 2008).



Rajah 1.1: Peratusan sumbangan sektor pertanian mengikut negeri, 2012.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, KDNK 2005-2012

Berdasarkan rancangan pembangunan Sabah, *Sabah Development Corridor* (SDC) telah dilancarkan pada 29 Januari 2008. Umumnya, pembangunan ekonomi yang dirancang dengan begitu rapi bermatlamat untuk merangsang dan menjana pembangunan ekonomi negara ke arah mencapai negara maju menjelang 2020. Usaha mewujudkan pelan pembangunan koridor ekonomi merupakan suatu pelan untuk mencapai pembangunan yang berdaya saing dan berdaya tahan. Dalam masa yang sama, pelan koridor pembangunan bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di wilayah koridor pembangunan yang telah dikenal pasti. Pelan perancangan koridor pembangunan ini menyediakan perancangan pembangunan strategik yang juga menyediakan kemudahan infrastruktur seperti penggunaan tanah yang betul dan bersesuaian dengan jenis pertanian yang bakal diusahakan. Selain itu, pelan ini juga bertujuan untuk melindungi biodiversiti yang semakin terancam pada masa kini.

Sebagai salah satu pemangkin kepada pembangunan negeri, kerajaan terus berusaha untuk memantapkan sektor pertanian agar ia dapat mengalami pertumbuhan yang pesat, bersifat lestari, relevan, berdaya saing dan diusahakan

secara komersial. Oleh hal yang demikian, sejumlah RM 335.95 juta yang meliputi RM 173.62 juta perbelanjaan mengurus dan RM 162.33 juta perbelanjaan pembangunan diperuntukkan bagi pembangunan sektor pertanian termasuk perikanan, haiwan dan pengairan dalam bajet 2012.

1.2 Permasalahan Kajian

Pembangunan merupakan suatu kebaikan yang membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik kepada individu dan masyarakat. Ia merupakan suatu proses menuju ke arah pertumbuhan yang dapat mengubah keadaan persekitaran. Menurut Mohd Taib Dora (2009), pembangunan bukan sahaja terbatas kepada hal-hal ekonomi tetapi juga meliputi semua aspek kehidupan sosial dan masyarakat. Umumnya, sektor perikanan merupakan komponen yang penting dalam pembangunan pertanian negara kita. Selain itu sektor perikanan merupakan sumber protein utama dan menyediakan peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk luar bandar. Namun industri perikanan di negara kita kini berhadapan dengan masalah penurunan hasil tangkapan sehingga memberi kesan terhadap komuniti nelayan itu sendiri (SEAFDEC, 2008).

Tidak dinafikan kerajaan Sabah telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti nelayan. Walau bagaimanapun, keberkesanan program tersebut masih belum boleh dibanggakan lagi khususnya di Sabah (Mohammad Raduan M. Ariff *et.al* 2009). Menurut The, L *et al* (2011) nelayan dilihat masih menggunakan kaedah lama untuk menangkap ikan dengan hasil yang tidak seberapa iaitu secara purata kurang dari RM601 sebulan. Dalam hal ini, pengurusan dan perancangan yang berkesan amat diperlukan agar hasil daripada kegiatan perikanan dapat dipertingkatkan di samping dapat menggalakkan pertumbuhan komuniti nelayan moden yang bukan sahaja sistematik malah berwawasan serta mampu meningkatkan pendapatan mereka. Pembangunan komuniti umumnya meletakkan sesebuah komuniti itu sebagai tumpuan utama pembangunan. Dalam konteks Malaysia, pembangunan komuniti ini lazimnya diberi penekanan kepada komuniti yang mendiami kawasan mundur, terpencil dan ketinggalan dari arus pembangunan negara. Amnya, komuniti nelayan memerlukan